



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	25/6/2021	MUKA SURAT	:	Muka depan & 2
JABATAN	:	KeTSA			



Pelaburan solar China sedia 3,000 peluang kerja

Komuniti pelabur semakin yakin terhadap prospek pemulihan ekonomi negara

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Syarikat pengeluaran modul solar kelima terbesar dunia, Risen Energy Co Ltd yang berpangkalan di China bersetuju melabur RM42.2 bilion di Malaysia bagi tempoh 15 tahun, bermula tahun ini.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata syarikat berkenaan melalui Risen Solar Technology Sdn Bhd mendapat kelulusan Lesen Pengilang dan Galakan Insentif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bagi aktiviti re-

ka bentuk, pembangunan dan pengilangan sel serta modul solar.

Beliau memaklumkan, pelaburan itu dijangka menyediakan 3,000 peluang pekerjaan kepada rakyat negara ini, selain syarikat berkenaan akan menjalinkan kerjasama dengan universiti dan institusi tempatan dalam menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D), termasuk pengambilan pelajar amali.

"Pelaburan daripada syarikat Risen Energy Co Ltd ini adalah kejayaan besar buat negara, sekali gus menunjukkan keupayaan pengurusan ekonomi Malaysia ketika dunia bergelut dengan cabaran pandemik COVID-19.

"Saya juga yakin kehadiran Risen Solar Technology Sdn Bhd akan menjadikan Malaysia sebagai hab pengeluaran berintegrasi bagi produk solar," kata beliau melalui Facebook semalam.

Perdana Menteri sebelum itu mengadakan mesyuarat dengan Pengerusi dan Presiden Risen Energy Co Ltd, Xie Jian secara maya.

Mesyuarat pagi semalam itu turut disertai Menteri Kanan

Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Arham Abdul Rahman.

Perdana Menteri memaklumkan, ketika ini terdapat beberapa syarikat pengeluar global solar yang sedang beroperasi di Malaysia seperti Jinko Solar, Longi Solar, JA Solar, Hanwha Q Cell, First Solar dan Sun Power.

Pada mesyuarat itu, Perdana Menteri turut memaklumkan kepada Xie Jian yang Malaysia mengamalkan prinsip mesra pelaburan dan sentiasa mengalu-alukan kemasukan pelaburan baharu serta berkualiti ke negara ini.

"Pelbagai galakan dan insentif disediakan kepada pelabur dan bakal pelabur dan saya menegaskan akan memastikan pelaksanaan projek dirancang syarikat itu berjalan lancar," katanya.

Beliau berkata, trend kemasukan berterusan pelaburan asing berimpak tinggi menyuntik lebih keyakinan dalam kalangan komuniti pelabur luar terhadap

prospek pemulihan ekonomi Malaysia, selari aspirasi Pelan Pemulihan Negara.

"Ini pasti membawa manfaat besar kepada masyarakat dari segi peluang pekerjaan dan peningkatan pendapatan," katanya.

Sementara itu, Azmin berkata pelaburan besar syarikat solar kelima terbesar dunia itu memberi keuntungan kepada perniagaan tempatan, terutama perusahaan kecil dan sederhana (PKS), di samping membuka peluang mereka menjadi sebahagian rantaian nilai global.

Katanya, pelaburan ini turut memberi kesan pengganda yang akan memastikan hasil sosial lebih positif disamping nilai tambah kepada ekonomi.

Beliau berkata, bagi memanfaatkan peningkatan peluang pekerjaan yang bakal dicipta, MIDA sudah bekerjasama dengan syarikat terbabit bagi program pengembangan bakat khusus memastikan bakat tempatan dibabitkan memenuhi permintaan peserta industri solar global ini.

"Syarikat Malaysia digalakkan



RM42.2 bilion

pelaburan Risen Energy Co Ltd di Malaysia bagi tempoh 15 tahun, bermula tahun ini

mengambil bahagian dan bekerjasama rapat dengan MIDA melalui program pembangunan vendor dan pembekal yang dibentuk bagi menyokong sumber tempatan atau perkhidmatan tambahan diperlukan Risen Energy.

"Program latihan membabitkan institusi pengajian tinggi tempatan juga dilaksanakan untuk menyediakan bakat tersedia untuk industri ini," katanya dalam satu kenyataan.

Katanya, pemilihan Malaysia oleh Risen Energy sebagai hab pertama di Asia Tenggara iaitu di Kulim Hi-Tech Park, akan mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hab industri solar.